



WAHDAH PEMANGKIN KHAIRA UMMAH

جائزہ کا اجرا اسلام علیہ السلام

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Dicetak daripada e-SiRAJ JAKIM
28-09-26 07:09:37



WAHDAH PEMANGKIN KHAIRA UMMAH

**PROF. Madya DR. FAUZI BIN DERAMAN
UNIVERSITI MALAYA**

جايه نيكو ما جواز اسلامى

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Isi Kandungan

PENDAHULUAN	1
LATAR BELAKANG SEJARAH	2
ISLAM AGAMA WAHDAH	3
RASULULLAH SAW DAN PELAKSANAAN KONSEP WAHDAH ISLAMIAH	13
WAHDAH DAN REALITI SEMASA	16
BAGAIMANA MEMBENTUK KESATUAN	18
KESIMPULAN	24

Cetakan Pertama 2009
Cetakan Kedua 2009

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
www.Islam.gov.my

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Rekabentuk oleh :

Baraplas Kreatif
3260, Jalan 18/37, Taman Sri Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-8941 0053 / 03-8942 4866 Fax : 03-8942 5866
E-mail : baraplaske@yahoo.com

Dicetak oleh :

Aspirasi Kreatif Resources
26, Jalan Pinggiran Putra 4A/13,
Desa Pinggiran Putra, Sungai Merab,
43300 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 019-321 24444

Diterbitkan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Wahdah Pemangkin Khaira Ummah

Dicetak daripada e-SIRAJ JAKIM
28-09-26 07:09:37

WAHDAH PEMANGKIN KHAIRA UMMAH

Pendahuluan

Islam adalah agama samawi yang terakhir, sekaligus merupakan agama yang paling lengkap dan komprehensif. Umat Islam pula telah dipilih oleh Allah sebagai sebaik-baik umat yang pernah diutuskan di muka bumi ini.

Firman Allah yang bermaksud:

"Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)."

(Surah Ali-'Imran: 110)

Berbekalkan Islam sebagai sistem hidup (way of life) dan umat yang terbaik ini, telah lahir satu tamadun yang unggul dan tiada tandingannya dalam sejarah manusia. Walaupun bermula di Makah, lembah yang kering gersang dahulunya, akhirnya Islam telah tersebar luas dan dapat menguasai satu pertiga dunia, merentasi tiga benua. Memanjang dari Irian Jaya di Timur ke Morocco di Barat, merangkumi selatan Perancis, Eropah Timur, Asia Tengah, Afrika Utara sehingga ke Pantai Lautan Pasifik di Selatan. Kini laungan azan dapat dikumandangkan di serata dunia. Laungan yang sentiasa mengajak ke arah kejayaan dan kesatuan di bawah panji-panji **محمد رسول الله** dan **لا اله الا الله**.

Latar Belakang Sejarah

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat manusia berada dalam sistem sosial yang rosak. Di Yathrib, (kemudiannya dikenali dengan Madinah al-Munawwarah) kabilah-kabilah besar di sana sentiasa bersengketa dan berperang sesama sendiri. Setelah mereka menerima Islam dan kemudiannya Rasulullah SAW berhijrah ke sana, terbentuklah kesatuan umat melalui kepimpinan Rasulullah SAW.

Suku Aus dan Khazraj yang dahulunya saling perang-memerangi bertaut dan bersatu dengan ikatan akidah Islam, kemudian bahu-membahu menjadi pembela Islam, sekaligus menjadi pembela Rasulullah SAW. Mereka kemudiannya dikenali dengan nama Ansar. Segala sentimen jahiliyah yang membawa kepada permusuhan dan perseteruan terhakis daripada mereka. Islam telah berjaya membentuk mereka dengan identiti yang baru. Mereka adalah kelompok yang pertama dari umat yang terbaik (khayra ummah) yang menjadi contoh kepada gagasan wahdah Islamiyah yang dibawa oleh Islam.

Islam Agama Wahdah

Bertitik tolak daripada fitrah manusia yang tidak dapat hidup secara bersendirian, Islam telah meletakkan wahdah atau kesatuan sebagai salah satu daripada tuntutan dalam syariatnya. Malah, wahdah merupakan satu binaan yang kukuh yang dibangunkan daripada komponen terpilih ajaran Islam itu sendiri.

Ia selari dengan matlamat Islam itu sendiri iaitu, untuk pembinaan individu Muslim yang berpaksikan keimanan yang kukuh serta membentuk umat yang berpaksikan tauhid dan wahdah.

Sesungguhnya Islam adalah agama wahdah, umat Islam yang merupakan khayra ummah adalah umat yang satu dan tidak berpecah belah. Dengan wahdah, yang lemah akan menjadi kuat, yang kuat pula akan bertambah kuat. Sekeping batu bata adalah lemah walau sekuat mana sekalipun. Begitu juga batu bata yang berselerak tetap lemah walau ribuan jumlahnya. Kekuatan yang ada pada batu bata itu wujud setelah ia dicantumkan menjadi sebuah tembok. Wahdah juga akan dapat memelihara umat daripada binasa.

Seruan ke arah kesatuan atau wahdah ini bukanlah perkara baru. Terdapat banyak ayat al-Quran dan juga Hadith Rasulullah SAW yang berhubungkait dengan wahdah ini, secara langsung atau tidak langsung. Antaranya firman Allah yang bermaksud:

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu

semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya)."

(Surah Ali-'Imran: 103)

Para mufassir menyebut, ayat ini diturunkan setelah para sahabat daripada Aus dan Khazraj terpengaruh oleh hasutan seorang Yahudi iaitu Syas bin Qays yang telah membakar sentimen jahiliyah lampau yang bangga dengan kehebatan dan kekuatan masing-masing sehingga mereka telah menghunus senjata dan hampir-hampir berperang dan berlaku pertumpahan darah. Rasulullah SAW datang kepada mereka dan bersabda: "Apakah kamu mengajak dengan sentimen jahiliyah, sedang aku masih bersama-sama kamu? Apakah selepas kamu dihidayahkan oleh Allah kepada Islam, dimuliakan kamu dan dihakis perkara jahiliyah daripada kamu, diselamatkan kamu daripada kekufuran dan setelah kamu dijinakkan dengan Islam, kamu kembali kufur? Lalu dibacakan kepada mereka ayat ini, akhirnya mereka menangis, menyesali tindakan mereka itu dan menyedari bahawa itu adalah hasutan syaitan, lantas mereka berpelukan antara satu dengan yang lain.

Rasulullah SAW mengingatkan mereka bahawa sentimen kekabilahan sudah tamat, tiada lagi Aus dan Khazraj, yang ada hanyalah Ansar, yang merupakan pembela Rasul dan Islam. Malah mereka telah disatukan dan bersaudara atas nama Islam.

Ayat-ayat ini merupakan seruan kepada kesatuan di kalangan umat Islam. Ia mengandungi amaran supaya sentiasa berwaspada terhadap hasutan pihak yang ingin merosakkan kesatuan umat Islam tersebut. Ia boleh menyebabkan mereka kembali kufur setelah beriman. Firman Allah yang maksudnya:



"Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu taat akan sesuatu puak dari orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir sesudah kamu beriman. Dan bagaimana kamu akan menjadi kafir padahal kepada kamu dibacakan ayat-ayat Allah (al-Quran), dan dalam kalangan kamu ada Rasul-Nya (Muhammad SAW)? Dan sesiapa berpegang teguh kepada (agama) Allah, maka sesungguhnya ia telah beroleh petunjuk hidayah ke jalan yang betul (lurus). Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

(Surah Ali-'Imran: 100-102)

Jelas daripada ayat di atas, Allah telah menyifatkan bahawa wahdah itu adalah iman dan berpecah belah itu adalah kufur. Tidak cukup dengan itu, al-Quran juga telah membimbing umatnya kepada satu perkara yang apabila semua pihak terlibat dengannya akan dapat membentuk kesatuan di kalangan mereka. Firman Allah yang maksudnya:

"(Dan hendaklah ada di antara kamu satu pihak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

(Surah Ali-'Imran: 104)

Malah khayra ummah itu sendiri dikaitkan secara langsung dengan tugas menyuruh perkara ma'ruf dan mencegah perkara munkar yang merupakan matlamat dan visi utama umat Islam. Firman Allah bermaksud:

"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah."

(Surah Ali-'Imran: 110)

Perosak kepada wahdah ini adalah perpecahan. Inilah yang telah terjadi kepada umat yang terdahulu. Justeru Allah SWT telah memberi amaran kepada umat Islam tentang perpecahan itu.

Firman Allah bermaksud:

"Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh nabi-nabi Allah), dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar."

(Surah Ali-'Imran:105)

Firman Allah bermaksud:

"Dan janganlah kamu berbantah-bantahan; jika tidak, nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu."

(Surah al-Anfal:46)

Allah SWT juga mengingatkan umat Islam supaya jangan mengikut gelagat mereka yang kufur yang sentiasa berpecah dan bertelingkah.

Firman Allah yang bermaksud:

"Bahawasanya orang-orang yang mencerai-beraikan agama mereka (dengan perselisihan-perselisihan yang berdasarkan hawa nafsu), dan mereka menjadi berpuak-puak, tiadalah engkau terkait sedikit pun



dalam (perbuatan) mereka. Sesungguhnya perkara mereka hanya terserah kepada Allah. Kemudian ia akan menerangkan kepada mereka (pada hari Kiamat kelak), apa yang telah mereka lakukan (dan membalasnya)."

(Surah al-An'am: 159)

Firman Allah maksudnya:

"Dan janganlah kamu menjadi dari mana-mana golongan orang musyrik, iaitu orang-orang yang menjadikan fahaman agama mereka berselisihan mengikut kecenderungan masing-masing serta mereka pula menjadi berpuak-puak"

(Surah al-Rum: 31-32)

Firman Allah lagi maksudnya:

"Katakanlah: "Dia-lah Yang Berkuasa menghantar kepada kamu azab seksa (bala bencana), dari sebelah atas kamu, atau dari bawah kaki kamu, atau ia menjadikan kamu bertentangan dan berpecah-belah, berpuak-puak, dan ia merasakan sebahagian daripada kamu akan perbuatan ganas dan kejam sebahagian yang lain." Perhatikanlah bagaimana Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan (yang menunjukkan kebesaran kami) dengan berbagai cara, supaya mereka memahaminya."

(Surah al-An'am: 65)

Allah SWT telah menyifatkan perpecahan dalam ayat ini sebagai perbuatan ganas dan kejam yang dirasakan antara satu dengan yang lain. Terdapat banyak hadith Rasulullah SAW yang menyentuh mengenai wahdah ini dan memberi amaran daripada perpecahan. Abu Tha'labah al-Khasani meriwayatkan, "Orang ramai apabila bersama-sama Rasulullah SAW dalam satu perjalanan, mereka terpisah di segenap ceruk dan lembah, lalu Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

"Sesungguhnya bercerai-berainya kamu di merata lembah ini adalah daripada Syaitan, janganlah kamu berhenti bersama-sama saya selepas

ini kecuali kamu bergabung antara satu dengan yang lain."

(HR Abu Daud)

Perpecahan sebenarnya adalah jalan syaitan kerana sifatnya yang suka memerangkap manusia supaya sentiasa bertelingkah dan bermusuh.

Firman Allah yang maksudnya:

"Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?"

(Surah al-Maidah:91)

Rasulullah SAW juga ada bersabda yang maksudnya:

"Kamu hendaklah bersama jamaah (kumpulan), jauhilah kamu daripada berpecah, sesungguhnya syaitan itu bersama dengan orang yang bersendirian, makin jauh daripada orang yang berdua, sesiapa yang mahu berada di tengah-tengah syurga, lazimkanlah dirinya bersama jamaah."

(HR at-Tirmidhi)

Rasulullah SAW juga bersabda maksudnya:

"Seorang Muslim itu adalah saudara bagi Muslim yang lain, tidak boleh dianiayainya dan tidak boleh dibiarkan dianiayai oleh orang lain."

(HR al-Bukhari dan Muslim)

Dalam satu riwayat lain daripada Muslim, maksudnya:

"Tidak boleh dizalimi, dipandang rendah dan tidak boleh dibiarkan



dihina oleh orang lain. Taqwa itu di sini (sambil menunjuk ke dadanya), cukuplah sebagai kejahatan seseorang kalau ia menghina saudaranya sesama Muslim. Seorang Muslim itu haram darahnya, hartanya dan maruahnya."

Sabda Rasulullah SAW juga bermaksud;

"Janganlah kamu benci membenci, berhasad dengki dan belakang-membelakangi, jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara, tidak halal bagi seorang Muslim itu memutuskan hubungan dengan saudaranya lebih dari tiga hari."

(HR al-Bukhari dan Muslim)

Sabda Rasulullah SAW maksudnya:

"Janganlah kamu berselisih, sesungguhnya mereka yang sebelum kamu berselisih lalu mereka binasa."

(HR al-Bukhari)

Umat Islam juga dilarang daripada melakukan sesuatu yang boleh membawa kepada perpecahan, seperti prasangka buruk, hasad dengki dan seumpamanya.

Betapa mantapnya kesatuan di kalangan umat ini sehingga Allah SWT menegaskan bahawa umat Islam walaupun terdiri daripada pelbagai bangsa dan warna kulit, tradisi dan budaya, mereka sebenarnya adalah umat yang satu (ummatan wahidah). Firman Allah maksudnya:

"Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka sembahlah kamu akan Daku."
(Surah al-Anbiya': 92)

Firman Allah bermaksud:

"Dan sesungguhnya agama Islam ini ialah agama kamu - agama yang

Wahdah Pemangkin Khaira Ummah



satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka bertaqwalah kamu kepada-Ku."

(Surah al-Mu'minun: 52)

Justeru, Rasulullah SAW telah menggambarkan dalam satu hadith Riwayat Muslim bahawa umat Islam adalah laksana sekujur tubuh seperti mana sabdanya bermaksud :

"Bandingan orang yang beriman itu dalam berkasih sayang, rahmat-marahmati dan berkasihan belas laksana satu badan, apabila satu anggota mengadu sakit, seluruh badan akan turut demam dan berjaga malam."

(HR al-Bukhari dan Muslim)

Larangan berselisih dan berpecah belah yang yang disebut di atas adalah dalam keadaan biasa (normal), umat Islam hidup dalam situasi aman damai. Dengan itu, tuntutan supaya bersatu dalam situasi yang genting dan mencabar lebih wajar dan ditekankan lagi.

Firman Allah maksudnya:

"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh."

(Surah al-Saff: 4)

Firman Allah maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu bertemu dengan sesuatu pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya, dan sebutlah serta ingatlah Allah (dengan doa) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan). Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah"



semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar".

(Surah al-Anfal: 45-46)

Ternyata wahdah adalah merupakan suatu tuntutan agama, ditinjau dari apa sudut sekalipun. Ditinjau dari aspek akidah, kesatuan atau wahdah itu cukup terserlah. Dalam akidah, umat Islam bersatu pada tauhidnya, bertuhankan Allah Yang Maha Esa. Beriman kepada satu kitab, iaitu al-Quran.

Dalam syariat pula, umat Islam digabungkan dengan syariat yang satu iaitu Islam. Seluruh kehidupan di dunia mahupun akhirat diikat oleh satu hukum. Bersolat menghadap kiblat yang satu, bermula dengan mereka yang bersolat di sekeliling Kaabah, hingga seluruh pelosok bumi, kesemuanya menghadap kepada satu kiblat sebagai simbolik bahawa umat Islam itu adalah satu misi dan visi.

Dalam ibadat solat pula, Islam menggalakkan supaya dikerjakan secara berjemaah. Gambaran kesatuan itu cukup terserlah. Dalam solat jamaah, makmum walau seramai mana pun mereka akan patuh kepada seorang imam sahaja. Dalam setiap pergerakan, semuanya mengikut imam, mendahului imam akan menjejaskan solatnya.

Gambaran wahdah juga begitu terserlah dalam ibadat haji, semuanya berihram dengan dua helai pakaian ihram, kemudiannya bertalbiah dengan ucapan talbiah yang sama, berwukuf di satu tempat sahaja, iaitu 'Arafah, jumrah dilontar pada sasaran yang sama, bertawaf di kiblat yang satu, bersaie pula hanya antara Safa dan Marwah.

Umat Islam juga satu pada ikutan dan role modelnya, iaitu Rasulullah SAW. Firman Allah maksudnya:

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (ketika waktu susah dan senang)."

(Surah al-Ahzab: 21)

Umat Islam juga satu dalam akhlak, sentimen dan perasaan. Mereka mengasihi dan membenci kerana Allah, cintakan kebenaran dan membenci kepalsuan, mengasihi kebaikan dan membenci keburukan, mereka juga mengasihi Allah dan menolak selainnya.

Dalam aspek tradisi dan budaya, umat Islam adalah sama pada tradisi dan budaya, cara makan dan minum, berpakaian dan seumpamanya. Apabila makan mereka memulakan dengan bismillah, disudahi dengan alhamdulillah. Apabila bertemu dimulakan dengan: "Assalamualaikum" dan dijawab: "Wa'alaikumussalam". Jika salah seorang daripada mereka bersin dan berkata: "Alhamdulillah", akan dijawab semula oleh saudaranya dengan: "Yarhamukallah". Tradisi umat Islam, tidur awal dan bangkit juga awal. Menghabiskan malam dengan aktiviti yang tidak berfaedah bukan tradisi Islam. Mereka dibiasakan dengan bangun awal bagi membolehkan mereka mengerjakan solat subuh di awal pagi.

Jika ditinjau dari aspek masalah umat Islam dan logik akal juga, wahdah adalah suatu tuntutan. Umat Islam boleh mencapai kemenangan apabila berhadapan dengan musuh hanyalah dengan wahdah, begitu juga untuk kehidupan mereka hanya boleh dipertahankan dengan wahdah itu. Pembangunan umat dan kemajuannya selari dengan teknologi yang terkini juga boleh dibina dengan baik dan lancar hanya dengan adanya kesatuan umat.

Tamadun yang tinggi dan hebat tidak akan dapat dipertahankan tanpa wahdah atau kesatuan di kalangan umat. Tamadun Islam di Andalus tidak

dapat dipertahankan walaupun telah tertegak selama 800 tahun atau lapan kurun. Kelemahan bermula apabila mereka tidak bersatu di bawah seorang khalifah atau sultan. Setiap kelompok di Andalus mempunyai kerajaannya sendiri. Berlaku pertempuran antara satu dengan yang lain, hingga sampai kepada satu peringkat, ada yang sanggup meminta pertolongan daripada musuh Islam untuk mengatasi lawan sesama Islam.

Akhirnya tamadun Islam yang begitu besar jasanya itu, malah dianggap sebagai pencetus kepada kemajuan dunia Barat, rebah tersungkur. Umat Islam diusir dan dibunuh tanpa belas kasihan.

Rasulullah SAW dan Pelaksanaan Konsep Wahdah Islamiah

Wahdah Islamiah bukan hanya teori dan omongan kosong tetapi disertakan secara praktikal. Rasulullah SAW bukan sahaja mengajak kepada perpaduan tetapi telahpun mengaplikasikannya semasa hayat baginda.

Langkah pertama yang diambil oleh Rasulullah SAW selepas berhijrah ke Madinah ialah membangunkan Masjid Nabawi. Ia merupakan pusat aktiviti umat, bukan hanya tempat menunaikan solat sahaja, malah merupakan universiti tempat umat Islam menimba ilmu, juga menjadi wadah perpaduan dan kesatuan umat.

Langkah kedua yang diambil oleh Rasulullah SAW untuk mengukuhkan lagi ikatan ukhuwwah dan kesatuan ialah dengan mempersaudarakan antara Muhajirin, iaitu para sahabat Rasulullah SAW yang berhijrah dari Mekah ke Madinah dengan Ansar yang merupakan penduduk asal di kota Madinah.

Di peringkat awal, dua sahabat yang dipersaudarakan itu saling mewarisi harta antara mereka jika berlaku kematian, sehinggalah meletusnya Perang Badar dan turunnya ayat yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang beriman sesudah itu, kemudian mereka berhijrah dan berjihad bersama-sama kamu, maka adalah mereka dari golongan kamu. Dalam pada itu, orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak atas setengahnya yang (lain) menurut (hukum) Kitab Allah; Sesungguhnya Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."

(Surah al-Anfal:75)

Dengan persaudaraan ini, lenyaplah sentimen jahiliyyah, perbezaan suku bangsa, warna kulit dan tanah kelahiran. Diganti dengan perasaan kasih sayang, tolong-menolong dan kesatuan yang mantap. Ikatan ukhuwwah yang kukuh ini menjadi titik tolak kepada kesatuan masyarakat dan negara.

Terjadi perkara-perkara yang belum pernah berlaku di kalangan umat yang lain. Saad bin al-Rabi', seorang hartawan Ansar yang telah dipersaudarakan dengan Abdul Rahman bin 'Auf, bersedia membahagikan separuh daripada hartanya kepada saudaranya, malah ia sanggup menceraikan seorang daripada dua isterinya untuk dikahwini oleh Abdul Rahman setelah tamat edahnya.

Ada sahabat daripada kalangan Ansar berkata kepada Nabi SAW: "Kami sanggup membahagi-bahagikan ladang kurma kami dengan saudara-saudara kami. Namun ia ditolak oleh Rasulullah SAW tetapi meminta para Muhajirin membantu mereka diladang dan hasilnya dikongsi bersama."

Mantapnya kesatuan antara mereka sehingga mereka sanggup mengutamakan orang lain mengatasi keperluan sendiri. Sifat inilah yang dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya yang bermaksud:

"Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya."

(Surah al-Hasyr:9)

Demi menjaga kesatuan umat jugalah Rasulullah SAW dengan perintah Allah telah memusnahkan Masjid Dhirar yang dibangunkan oleh golongan munafik di Madinah. Masjid adalah rumah Allah dan istitusi ummah, namun telah dimusnahkan oleh Rasulullah kerana ia dibangunkan dengan niat untuk memecahbelahkan kesatuan umat.

Firman Allah yang maksudnya:

"Dan (di antara orang-orang munafik juga ialah) orang-orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan (keselamatan orang-orang Islam), dan (menguatkan) keingkaran (mereka sendiri) serta memecah belahkan perpaduan orang-orang yang beriman, dan juga untuk (dijadikan tempat) intipan bagi orang yang telah memerangi Allah dan Rasul-Nya sebelum itu. Dan (apabila tujuan mereka yang buruk itu ketara), mereka akan bersumpah dengan berkata: "Tidaklah yang Kami kehendaki (dengan mendirikan masjid ini) melainkan untuk kebaikan semata-mata." Padahal Allah menyaksikan, bahawa sesungguhnya mereka adalah berdusta."

(Surah al-Taubah: 107)

Wahdah dan Realiti Semasa

Realiti hari ini menyaksikan berbagai-bagai blok dan berbagai pula orientasinya, sama ada ekonomi, politik, agama, budaya dan kepentingan serantau. Namun mereka boleh bersama dan berusaha mencari kesepakatan, walaupun mereka berbeza agama, ideologi mahu pun politik.

Negara-negara Eropah berada dalam satu Kesatuan Eropah sampai ke peringkat wujudnya Parlimen Eropah dan matawang yang satu. Dua kuasa besar, Amerika dan Rusia sudah lama berjinak-jinak selepas berakhirnya Perang Dingin. Kedua-duanya juga telah mendekati Cina. Perbezaan ideologi antara kapitalis dan sosialis tidak menghalang mereka untuk bersama.

Malah antara Yahudi dan Kristian juga seakan ada toleransi antara keduanya, walaupun pertentangan antara keduanya telah mencecah 20 kurun. Ini belum termasuk pakatan serantau dan seumpamanya yang boleh duduk semeja walaupun berbeza ideologi, agama, budaya dan lain-lain. Terdapat berbagai-bagai pakatan serantau atau yang lebih besar daripada itu yang telah ditubuhkan, seperti ASEAN, NATO, Kesatuan Afrika, Liga Arab, Pakatan Negara-negara Teluk dan sebagainya. Terbaharu, beberapa negara-negara di Asia Tengah telah membentuk Pertubuhan Perjanjian Keselamatan Kolektif (CSTO) yang diketuai oleh Rusia. Pakatan pertahanan dibentuk kononnya untuk memerangi terrorisme.

Amatlah malang bagi umat Islam yang bersamaan dalam banyak perkara, seperti yang telah disebut namun masih gagal untuk membentuk kesatuan yang kukuh dan efektif walaupun adanya wadah untuk mereka seperti OIC. Hasilnya, apabila musuh Islam mencero

negara-negara umat Islam tertentu, pemimpin negara Muslim hanya menjadi penonton dari jauh, paling hebat tindakan yang diambil untuknya hanyalah bersatu untuk mengutuk tindakan tersebut. Meskipun ada persidangan besar yang diadakan untuk mencari kesepakatan, resolusi yang dikeluarkan memutuskan mereka semua bersetuju untuk tidak bersetuju, sehingga ia menjadi lelucon.

Umat Islam menghadapi cabaran yang sangat besar. Musuh-musuh Islam mahu mengganyang umat Islam dan melumpuhkan kekuatan kita. Umat Islam tidak akan berjaya dalam berhadapan dengan musuh bersama ini tanpa kesatuan atau wahdah. Jika dalam keadaan sebeginipun umat Islam tidak boleh bersatu, maka bilakah lagi masanya mereka boleh bersepakat dan bersatu?

Bagaimana Membentuk Kesatuan

Sesungguhnya kesatuan atau wahdah, tidak bermula daripada kosong, tanpa ikatan kuat lagi kukuh. Justeru, Allah SWT telah menyediakan tali yang menjadi pengikat kesatuan itu. Firman-Nya bermaksud:

"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain daripada Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu daripada jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu bertaqwa."

(Surah al-An'am: 153)

Firman Allah maksudnya:

"Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah), dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar."

(Surah Ali-'Imran: 105)

Khayra ummah ialah umat yang berpaksikan tauhid dan wahdah. Sepanjang perjalanan sejarah, kita dapat mempelajari bahawa umat ini tidak dapat mencapai ke tahap umat yang sebenar tanpa berpegang dengan akidah yang hak. Kecacatan akidah akan membawa kepada perpecahan dalaman umat Islam, justeru al-Quran telah menggabungkan antara kesatuan (wahdah) dengan akidah. Firman Allah yang bermaksud:

"Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka sembahlah kamu akan Daku."

(Surah al-Anbiya': 92)

Firman Allah maksudnya:

"Dan sesungguhnya agama Islam ini ialah agama kamu - agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka bertaqwalah kamu kepada-Ku."

(Surah al-Mu'minun: 52)

Wahdah yang mantap tidak mungkin wujud tanpa adanya asas yang kuat yang mengikatnya. Kepingan papan yang berselerak boleh disatukan dengan paku. Batu bata pula boleh disatukan dengan simen, yang akhirnya menjadi tembok yang kukuh. Bagaimana untuk menyatukan antara manusia yang disebut dalam pepatah Melayu: "Rambut sama hitam, hati lain-lain".

Allah SWT telah menyediakan talinya sebagai pengikat hati-hati yang berbagai ragam tersebut. Ia adalah tali Allah yang mempunyai berbagai nama seperti al-Dhikr al-Hakim, al-Sirat al-Mustaqim, al-Quran al-Karim. Justeru, umat Islam hendaklah berpegang dengan tali Allah.

Firman-Nya yang bermaksud:

" Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya."

(Surah Ali-'Imran: 103)

Dalam mentafsirkan ayat ini, Rasulullah SAW telah menggariskan satu garis lurus, kemudian baginda bersabda: “ Inilah jalan Allah yang lurus”. Kemudian baginda SAW membuat garisan yang banyak di kiri dan kanan garis yang lurus itu dan bersabda:

“ Inilah jalan-jalan, setiap jalan ada syaitan yang mengajak ke arahnya. Lalu dibacakan ayat di atas.”

Mengikut jalan yang lurus adalah mengikut jalan Islam yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Jalan inilah yang menjadi landasan wahdah, tanpanya kesatuan atau wahdah tidak mantap.

Dalam ayat di atas, Allah SWT melarang daripada mengikut jalan-jalan yang bersimpang siur kerana ia menjadi punca kepada tidak wujudnya kesatuan di kalangan umat. Jalan-jalan yang bersimpang siur itu adalah apa jua seruan dan ajakan-ajakan selain Islam. Dengan mengikut jalan tersebut, bermakna tidak wujud wihdat al-fikrah di kalangan umat Islam, sekaligus membawa kepada perpecahan yang sukar untuk disatukan. Kesatuan fikrah akan membawa kepada kesatuan tindakan. Jika satu pihak cenderung ke kanan, yang lain pula ke kiri, satu pihak berkiblat ke barat, yang satu lagi ke timur. Bagaimana wahdah yang diidamkan itu akan dapat diwujudkan?

Wahdah yang hakiki hanya dapat dibentuk melalui Islam. Dengan ikatan Akidah Islam yang kukuh, segala halangan akan dapat diatasi kerana Islam itu penyatu bukan pemecah, penegak bukan peruntuh. Islam telah menyatukan antara Abu Bakar al-Qurasyi dengan Bilal al-Habasyi, Salman al-Farisi dan Syuhaib al-Rumi. Berdiri sama tinggal dan duduk sama rendah, kesemuanya adalah bersaudara menurut Islam.

Bertitik tolak daripada akidah yang jernih, akan lahirilah hubungan yang baik dengan Allah SWT yang dijelmakan melalui kepatuhan terhadap syariat Allah, seterusnya membawa kepada hati yang bersih daripada elemen yang tidak sihat. Hati-hati yang dijinakkan dengan iman merupakan adunan yang paling baik bagi membentuk wahdah yang sejati. Pertautan hati yang berasaskan material tidak dapat bertahan lama. Justeru Allah berfirman yang maksudnya:

"Dan (Dia-lah) yang menyatupadukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatupadukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatupadukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

(Surah al-Anfal:63)

Penghayatan akhlak Islam juga ada peranannya dalam membentuk wahdah ini, apabila semua pihak mengambil kira adab dan ketertiban sosial semasa berinteraksi sesama mereka. Ia akan melahirkan kasih sayang antara satu sama lain, sekaligus memantapkan lagi kesatuan di kalangan mereka.

Sabda Rasulullah yang maksudnya:

"Seorang mukmin dengan mukmin yang lain laksana satu binaan yang saling kuat-menguat antara satu sama lain"

(HR Muslim)

Sabdanya lagi bermaksud:

"Tidak sempurna iman seorang kamu sehinggalah dia menyukai bagi saudaranya apa yang dia suka untuk dirinya sendiri"

(HR al-Bukhari dan Muslim)

Sebaliknya jika masing-masing mengambil sikap mementingkan diri sendiri, tidak prihatin dengan orang lain, egois, rendah tahap keprihatinan dan toleransi dan seumpamanya, ia merupakan bibit kepada perpecahan dan akan mengundang sengketa. Tidak hairanlah apabila Rasulullah SAW menegaskan bahawa antara tujuan perutusannya adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Umat Islam sebagai khayra ummah hendaklah mengambil iktibar daripada sejarah kekuatan dan kesilapan lampau. Mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kesatuan mereka kukuh dan punca yang menyebabkan ia merosot, seterusnya menyebabkan umat Islam berpecahbelah dan ketinggalan, berbanding dengan orang lain.

Sebelum ini penjajah telah mengambil kesempatan daripada kelemahan umat Islam sendiri dengan menawarkan formula penyelesaian yang dipaksakan ke atas umat Islam dan tiada kaitan langsung dengan nilai dan tradisi Islam, ternyata ia tidak menyelesaikan masalah tetapi menyebabkan ia semakin kusut. Penyelesaiannya ialah mengenali dengan sebenar-benarnya, bertakwa kepada-Nya dengan ketakwaan yang sebenar dan kembali kepada Islam. Imam Malik pernah berkata: "Tidak akan menjadi baik golongan yang terakhir daripada umat (Muhammad) ini kecuali dengan apa yang sudah baik pada mereka yang terdahulu."

Tiada sebab yang menghalang umat Islam untuk mengulangi sejarah kecemerlangan lampau, jika mereka kembali ke landasan yang sebenar, iaitu Islam yang sebenar, al-Quran dan al-Sunnah, para sahabat dan tabiin. Islam yang telah menumbangkan Kisra dan Qaisar dan telah menguasai satu pertiga dunia serta menegakkan negara yang adil dan berkeadilan.

Tidak ada pihak yang rugi jika umat Islam kembali kepada ajaran agama mereka, termasuk mereka yang bukan Islam, malah mereka mengambil manfaat daripadanya. Islam tidak pernah menindas sesiapaupun. Berapa ramai mereka yang belum Islam memilih sistem ekonomi Islam termasuk sistem perbankan syariah. Tidak kurang juga yang memanfaatkan program menjadikan negara kita sebagai hab bagi produk halal .

Ringkasnya, Islam adalah satu-satunya wadah bagi wahdah yang dicita-citakan itu. Jika kesatuan itu sudah wujud dengan infrastruktur yang telah sedia ada, umat Islam akan kembali sebagai umat yang disegani dan akan dapat mencorakkan kesejahteraan untuk kehidupan sejagat. Status umat Islam sebagai khaira ummah atau ummatan wasatan akan menjadi realiti dan mereka menjadi umat yang satu.

Firman Allah maksudnya:

"Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka sembahlah kamu akan Daku."

(Surah al-Anbiya': 92)

Kesimpulan

Wahdah Islamiah adalah impian bagi seluruh umat Islam. Ia bukan impian kosong kerana ia telah berjaya dibentuk oleh junjungan besar, Nabi Muhammad SAW semasa hayatnya. Dengan menjadikannya sebagai model dan dengan mengerakkan seluruh keupayaan umat, insya-Allah impian itu akan menjadi realiti.



جابتن كمالا اسلاملىسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Blok D7 & D9 Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya.

Tel : 03-8886 4000 Faks : 03-8889 2039

www.islam.gov.my